

Fadzil Noor

sambut

baik

pelantikan

Syed Razak

ALOR SETAR 9 Dis. —
Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, menyambut baik pelantikan Datuk Syed Razak Syed Zain sebagai Menteri Besar Kedah yang baru menggantikan Tan Sri Sanusi Junid.

Sambil mengalu-alukan pelantikan tersebut, beliau berkata, pihaknya menyambut baik keputusan yang dibuat oleh Barisan Nasional (BN) itu dan berharap parti pembangkang dan kerajaan akan dapat bekerjasama untuk memajukan negeri ini.

Pembangkang memiliki 12 kerusi Dewan Undangan Negeri dan lapan kerusi Parlimen yang dimenangi pada pilihan raya umum 29 November lalu.

Sebelum ini, Fadzil yang diminta mengulas mengenai calon Menteri Besar berkata, tidak ada calon yang sesuai bagi menggantikan Sanusi.

"Kita akan tetap menerima siapa sahaja Menteri Besar yang dilantik oleh BN," katanya ketika dibungkus hari ini bagi mengulas pelantikan Syed Razak.

Fadzil berharap Syed Razak akan dapat menjalankan tanggungjawab sebagai Menteri Besar yang adil tanpa meminggirkan kawasan yang dimenangi oleh parti pembangkang.

"Jangan pentingkan kawasan yang dimenangi oleh BN sahaja kerana rakyat mengharapkan kepimpinan BN tidak memilih kasih," katanya.

Syed Razak hari ini menyerahkan surat pelantikan sebagai Menteri Besar Kedah yang diterima daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, di sini.